

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : LOKAL

'Titipkan doa buat 2 anak saya'

Oleh Zuhainy Zulkiffli
am@hmetro.com.my

Georgetown

"Saya rayu orang ramai titipkan doa buat dua anak saya ini semoga segera sembuh dan pulih seperti sedia kala.

"Terima kasih dan semoga ada doa dalam kalangan kalian yang dikabulkan Allah SWT."

Itu rayuan Nurain Hasnorizal, 25, selepas ditanya perkembangan dua anaknya yang kini kritikal dan dirawat di Hospital Pulau Pinang (HPP) akibat termanakan makanan ringan berupa keropok mengandungi racun tikus.

Terdahulu, pada kejadian di Kampung Padang Ubi, Labu Besar, Kulim, Kedah itu, dua beradik berkenaan,

Ibu rayu orang ramai supaya mendoakan kesembuhan mangsa termakan racun

Muhammad Luth Syauqi Abdul Rahman dan Muhammad Akil Syauqi, masing-masing berusia dua dan tiga tahun masih tidak sedarkan diri dan di bawah pemantauan doktor.

Kata Nurain, doktor mengatakan akan mencuba yang terbaik bagi merawat dua beradik berkenaan.

"Doktor mengatakan buat masa ini, mereka tidak dapat lakukan rawatan pada buah pinggang Muhammad Akil Syauqi berikutan keadaannya yang tidak stabil.

"Tekanan darahnya juga rendah dan jika rawatan dibuat, keadaan buah pinggangnya bertambah teruk," katanya ditemui di perkampungan HPP.

Berkaitan perkembangan Muhammad Luth Syauqi,

Nurain berkata, anak keduanya itu masih koma.

"Muhammad Luth Syauqi sudah menjalani imbasan tomografi berkomputer (CT Scan) hari ini (semalam) dan masih koma.

"Ketika ini, tiada apa yang dapat saya lakukan kecuali berdoa. Saya mohon supaya orang ramai juga mendoakan kesembuhan kedua-dua anak saya ini," katanya yang juga operator kilang.

"Ketika ini, tiada apa yang dapat saya lakukan kecuali berdoa. Saya mohon supaya orang ramai juga mendoakan kesembuhan kedua-dua anak saya ini"

Nurain Hasnorizal

Nurain berkata, ketika kejadian, dia menyedari anaknya masuk ke dalam rumah dan tidak lama kemudian, anak bongsunya diserang sawan.

Katanya, dia turut memeriksa keadaan anak sulungnya yang dalam keadaan serupa selain mulut berbuih.

"Saya lihat ada plastik makanan ringan dan

yakin mereka sudah termakan keropok dicampur racun tikus itu yang sering digunakan penduduk berhampiran bagi memerangkap monyet," katanya.



NURAIN menunjukkan gambar dua anaknya, Muhammad Luth Syauqi dan Muhammad Akil Syauqi. - Gambar NSTP/ZUHAINY ZULKIFFLI

Kulim: Dua beradik lelaki berusia dua dan tiga tahun dilaporkan kritikal selepas memakan keropok mengandungi racun tikus pada kejadian di Kampung Padang Ubi, Labu Besar di sini, pagi kelmarin.

Difahamkan, lokasi kejadian terletak berhampiran rumah kedua-dua beradik itu yang terletak di Kampung Banggol Berangan, di sini.

Ketua Polis Daerah Kulim, Superintendan Mohd Azizul Mohd Khairi berkata, kejadian itu disedari ibu mangsa yang berusia 25 tahun yang kemudian membawa kedua-duanya ke Klinik Kesihatan Malau dan Hospital Kulim (HK) untuk rawatan lanjut.

Menurut beliau, hasil siasatan mendapati, dua beradik itu dipercayai mengambil pekuk keropok segera yang tergantung di dawai besi pagar.

Keropok terbabit pula mengandungi racun dan diletak di situ untuk pe-

Dua beradik dilaporkan kritikal



KEADAAN Muhammad Akil Syauqi, 3, yang menggunakan mesin bantuan pernafasan. - Gambar ihsan keluarga



KEADAAN Muhammad Luth Syauqi Abdul Rahman, 2, yang dirawat di hospital selepas termakan makanan ringan disyaki mengandungi racun tikus.

rangkap monyet. Kebun itu pula dipercayai milik penduduk berhampiran rumah dua beradik itu.

"Dua beradik itu dipercayai membuka sebelum memakan makanan ringan itu.

Tidak lama kemudian, jam 11 pagi, ibu mangsa mendapati kedua-duanya muntah selain mulut berbuih," katanya pada kenyataan, semalam.

Mohd Azizul berkata, pegawai perubatan HK mengesahkan kedua-dua beradik itu kini berada dalam keadaan kritikal.

"Kedua-duanya kemudiannya dirujuk ke Hospital Besar Pulau Pinang untuk rawatan lanjut," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 31(1) (a) Akta 611 berkaitan pengabaian terhadap kanak-kanak dan Seksyen 284 Kanun Keseksan.

"Polis sedang mengesan suspek yang disyaki jiran mangsa untuk membantu siasatan," katanya.

Kulim: "Dua beradik itu kelihatan seronok sambil membawa dua bungkus makanan ringan yang dikait dengan tali pulang ke rumah.

"Saya sangkakan ada orang bagi makanan ringan itu pada mereka kerana nampak mereka seronok sangat sebelum saya keluar pergi ke kebun getah berhampiran," kata Saadiah Yaacob, 62.

Saadiah adalah nenek kepada dua beradik, Muham-

mad Akil Syauqi Abdul Rahman, 3, dan Muhammad Luth Syauqi, 2, yang kritikal selepas memakan makanan ringan yang disyaki mengandungi racun tikus di kawasan kebun di Kampung Padang Ubi, Labu Besar di sini, kelmarin.

Menurut Saadiah, pada mulanya, dua beradik itu mengikut datuk mereka,

Muhammad Nazar Abdullah, 53, mencari lembu di kawasan kebun yang terletak tidak jauh dari rumah.

"Ketika itu, saya nampak mereka masuk ke dalam rumah dengan membawa dua bungkus mak-

nan ringan dan menyangka ada orang yang beri.

"Waktu itu saya tak nampak mereka makan kerana dua beradik berkenaan terus masuk ke bilik ibu mereka yang ketika itu sedang tidur kerana ba-

ru pulang daripada kerja syif malam," katanya ditemui di rumahnya di Kampung Padang Ubi, Labu Besar di sini, semalam.

Menurut Saadiah, dia kemudian keluar dan pergi ke kebun getah berhampiran meninggalkan dua beradik itu bersama ibunya.

Katanya, tidak lama kemudian, dia ternampak ambulans masuk ke kawa-

san rumah dan jirannya memberitahu dua cucunya sudah pun dibawa ke klinik oleh jiran mereka.

"Waktu itu saya tak tahu apa lagi yang berlaku dan terus pulang ke rumah sebelum teringatkan makanan ringan yang dibawa pulang dua cucu. Ia dipercayai diambil dari pagar kebun rumah penduduk berhampiran rumah yang terletak kira-kira 50 meter dari kediaman kami," katanya.

"Saya sangkakan ada orang bagi makanan ringan itu"
Saadiah

'Seronok bawa bungkus makanan ringan'

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NEGARA

Makanan ringan dicampur racun untuk tangkap monyet

KULIM — Polis percaya makanan ringan bercampur racun tikus yang dimakan dua kanak-kanak sehingga menyebabkan mereka kritikal digantung di sekeliling pagar kebun di Kampung Padang Ubi di Labu Besar, Kulim untuk memerangkap monyet.

Ketua Polis Daerah Kulim, Superintendent Mohd. Azizul Mohd. Khairi berkata, dua beradik iaitu Muhammad Akil Syaqui Nur Syafyan, 3, dan adiknya, Muhammad Luth Syaqui, 2, pula dipercayai mengambil bungkusan jajan itu sebelum memakannya.

"Hasil siasatan awal menda-

ti dua adik-beradik itu mengambil makanan ringan tersebut dan memakannya.

"Makanan ringan yang mengandungi racun tikus itu asalnya digantung pekebun untuk memerangkap monyet di situ," katanya di sini semalam.

Katanya, kejadian disedari ibu mangsa berusia 25 tahun kira-kira pukul 11 pagi selepas mendapati dua kanak-kanak terbabit muntah dan mulut berbuih.

"Hasil pemeriksaan pegawai perubatan Hospital Kulim mendapati kedua-dua mangsa berada dalam keadaan kritikal dan



Di pagar inilah makanan ringan yang dicampur racun digantung bagi tujuan untuk memerangkap monyet.

dibawa ke Hospital Besar Pulau Pinang pada pukul 7.30 malam untuk rawatan lanjut," ujarnya.

Tambahnya, kes disiasat di bawah Seksyen 311(a) Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611) berkaitan kes pengabaian kanak-kanak dan Seksyen 284 Kanun Keseksaan.

Terdahulu, dua beradik lelaki berusia dua dan tiga tahun kritikal selepas dipercayai terma-kan makanan ringan mengandungi racun tikus dalam kejadian di sebuah kebun di Kampung Padang Ubi, Labu Besar di sini semalam.

Nenek tidak sangka cucu termakan keropok dicampur racun tikus

'Menggelupur selepas makan jajan'

Oleh **NORLIDA AKMAR IDROS** dan **AZAHAR HASHIM**

KULIM — Seorang nenek tidak menyangka kegembiraan dua cucu lelakinya yang membawa pulang dua bungkusan makanan ringan berakhir dengan kisah pilu apabila kedua-dua mangsa dilaporkan kritikal selepas termakan jajan yang dicampur racun tikus.

Kejadian kira-kira pukul 11 pagi di Kampung Padang Ubi di Labu Besar di sini itu menyebabkan Muhammad Akil Syaqui Nur Syafyan, 3, dan adiknya, Muhammad Luth Syaqui, 2, muntah-muntah, mulut berbuih selain menggelupur kesakitan.

Kejadian disedari ibu mangsa, Nurain Hasnorizal, 25, yang kemudian menghantar dua anaknya itu ke Klinik Kesihatan Malau dengan bantuan jiran sebelum dirujuk ke Hospital Kulim.

Mereka kemudian dipindahkan ke Hospital Pulau Pinang (HPP) dan dilaporkan masih dalam keadaan kritikal dan terpaksa bergantung kepada mesin pernafasan.

Difahamkan, makanan ringan yang dimakan dua beradik itu telah dicampur racun tikus dan dipercayai digantung oleh pekebun pada pagar bagi tujuan untuk memerangkap monyet.

Menurut nenek mangsa, Saadiah Yaacob, 62, sebelum kejadian, dua cucunya itu mengikut datuknya, Muhammad Nazar Abdullah, 53, ke kawasan kebun berhampiran untuk mencari lembu.

"Bagaimanapun, dua cucu saya itu pulang ke rumah selepas datuk tidak benarkan mereka ikut. Semasa mereka sampai di rumah, saya nampak dua beradik itu dalam keadaan riang memegang dua bungkusan makanan ringan berupa keropok.

"Pada masa itu, saya ingat ada orang bagi makanan ringan kepada cucu dan saya tidak sempat



MUHAMMAD NAZAR di samping isterinya, Saadiah menunjukkan gambar Muhammad Luth ketika ditemui di rumah mereka di Kampung Padang Ubi di Labu Besar, Kulim semalam.

tengok cucu makan keropok itu kerana keluar ke kebun berdekatan," katanya ketika ditemui di rumahnya semalam.

Ceritanya lagi, dia hanya mengetahui kejadian menimpa cucu selepas dimaklumkan seorang jiran.

"Saya bergegas pulang dan mendapati cucu sudah dibawa ke hospital. Dua bungkusan keropok yang dilikat menggunakan tali dan terbuka di bahagian tengah ditemui di lantai rumah.

"Saya nampak ada kira-kira tiga keping keropok lagi di dalam setiap bungkusan itu. Sungguhnya saya tidak sangka cucu sebemanya makan keropok yang dicampur dengan racun," ujarnya.

Katanya, dia dimaklumkan menantunya, Nurain bahawa cucu berusia dua tahun ditemui menggelupur seperti diserang sawan dengan mulut berbuih di



KEROPOK yang dicampur racun dan diletakkan dipagar dipercayai untuk memerangkap monyet.

atas katil, manakala abangnya sudah tidak sedarkan diri.

"Pada masa itu, Nurain yang bekerja kilang sedang tidur di dalam bilik kerana bekerja syif malam," katanya.

Sementara itu, datuk mangsa,

Mohd. Nazar berkata, dia langsung tidak menyedari dua cucunya ada mengambil keropok tersebut.

"Semasa saya minta dua cucu pulang ke rumah, saya lihat mereka berjalan sehingga sampai ke



MUHAMMAD LUTH SYAQUI



MUHAMMAD AKIL SYAQUI

rumah. Pada masa itu, saya tidak nampak mereka ada pegang makanan ringan itu," katanya.

Katanya, dia kesal dengan kejadian itu kerana makanan ringan bercampur racun tersebut dipercayai digantung pekebun pada pagar yang rendah.

"Saya juga syak ia bukan racun tikus, sebaliknya racun yang kuat berikutan ancaman monyet. Kawasan pagar kebun itu hanya terletak kira-kira 50 meter dari rumah saya.

"Biasalah kanak-kanak kecil mereka akan tertarik bila melihat makanan ringan dan akan mengambil lalu memakannya," katanya.

Pada masa sama, beliau berharap agar siasatan lanjut dapat dilakukan dan berharap pekebun tidak mengambil jalan mudah dengan menggunakan makanan ringan bercampur racun untuk menghalau monyet.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NASIONAL

12

NASIONAL

SINAR HARIAN • SELASA 9 JULAI 2024

Sinar
Harian

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Keadaan tangan anak seperti dibakar

Ibu dakwa tangan bayi bengkok, melecur selepas dimasukkan ke hospital

Oleh NOR FARHANA
YAACOB
MELAKA

Seorang bayi berusia satu bulan didakwa mengalami bengkok dan melecur di tangan selepas mendapat rawatan batuk berkahak di Hospital Melaka.

Insiden yang dipercayai berlaku bulan lalu itu tular di media sosial menerusi aplikasi Telegram.

Berdasarkan maklumat daripada tangkapan layar e-mel yang ditulis kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), seorang ibu berusia 35 tahun mendakwa, dia ke jabatan kecemasan hospital berkenaan bagi mendapatkan rawatan selepas bayinya mengalami batuk berkahak, nafas laju dan dada lekuk. Wanita itu telah ke hospital kira-kira jam 4 petang pada 9 Jun lalu sebelum tangan anaknya dicucuk jarum bagi mengambil darah.

"Sehinggalah anak saya dimasukkan ke wad kira-kira 7.30 malam sebelum ditukar ke wad lain kerana memerlukan oksigen yang sesuai.

"Sekitar 10 malam, jururawat mula memasukkan air drip kerana perlu berpuasa dalam keadaan anak dibedung," tulisnya lagi.



Insiden melibatkan bayi satu bulan yang dipercayai berlaku pada bulan lalu itu tular di Telegram. - Gambar hiasan

Ujarnya, kira-kira dua jam kemudian anaknya menangis kerana lapar sebelum jururawat membenarkannya memberikan susu badan kepada bayinya itu. Dakwanya, bayi tersebut ma-

sih tidak selesa dan terus menangis sehingga jam 4 pagi walaupun tidak mengalami kembung perut atau kesukaran membuang air besar.

"Saya tergerak untuk mem-

buka bedung dan melihat keadaannya dan mendapati tangan kanannya sudah bengkok sehingga ke paras bahu.

"Keadaan tangannya seperti kena bakar membuatkan saya terkilan kerana datang sebab rawatan lain tapi sampai hospital lain pula sakit yang dapat," dakwanya lagi.

Sementara itu, Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan Melaka Ngwe Hee Sem ketika dihubungi berkata, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka (JKNM) telah menyiapkan kenyataan berhubung perkara itu.

"Bagaimanapun, kami sedang menunggu kelulusan daripada Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan berhubung isu berkenaan," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NASIONAL

TELLUS & TULLUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Sinar
Harian**NASIONAL** 15

SELASA 9 JULAI 2024 • SINAR HARIAN

Racun tikus
digantung pekebun
bagi perangkap
monyet

Oleh ROSHILA MURNI
ROSLI
KULIM

Dua kanak-kanak lelaki yang juga adik beradik berada dalam keadaan kritikal selepas temakan keropok yang mengandungi racun tikus di kawasan kebun di Kampung Padang Ubi Labu Besar dekat sini, pada Ahad.

Ketua Polis Daerah Kulim, Superintenden Mohd Azizul Mohd Khairi berkata, keropok berkenaan dipercayai digantung oleh pekebun pada dawai besi sekeliling pagar kebun bertujuan untuk memerangkap monyet.

Menurut beliau, kejadian berlaku kira-kira jam 11 pagi selepas ibu mereka yang berusia 25 tahun menyedari kedua-dua anaknya berusia tiga dan dua tahun mengalami muntah-

“

Kejadian berlaku kira-kira jam 11 pagi selepas ibu mereka yang berusia 25 tahun menyedari kedua-dua anaknya berusia tiga dan dua tahun mengalami muntah-muntah dan mulut berbuih.”

- Mohd Azizul



muntah dan mulut berbuih.

“Pada jam kira-kira 11.30 pagi, wanita itu terus membawa anaknya ke Klinik Kesihatan Malau dan ke Hospital Kulim untuk rawatan,” katanya dalam kenyataan di sini pada Isnin.

Jelasnya, hasil pemeriksaan pegawai perubatan Hospital Kulim mendapati kedua-dua ber-

adik itu dalam keadaan kritikal.

“Pada jam 7.30 malam, kedua-dua mangsa telah dibawa ke Hospital Besar Pulau Pinang untuk rawatan lanjut,” ujarinya.

Mohd Azizul memberitahu, siasatan lanjut masih diteruskan mengikut Seksyen 31 (1) (a) Akta 611 dan Seksyen Sek 284 Kanun Keseksaan.



Keropok yang mengandungi racun tikus yang digantung pada dawai besi oleh pekebun untuk memerangkap monyet.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 29
RUANGAN : DALAM NEGERI

Dua beradik kritikal termakan keropok ada racun tikus

KULIM: Dua beradik lelaki berusia dua dan tiga tahun kritikal selepas dipercayai termakan keropok yang mengandungi racun tikus di Kampung Padang Ubi, Labu Besar di sini, semalam.

Kejadian disedari ibu mangsa kira-kira pukul 11 pagi yang mendapati kedua-dua anaknya muntah dan mulut mereka berbuih ketika dua beradik itu pulang ke rumah.

Ketua Polis Daerah Kulim, Superintenden Mohd. Azizul Mohd. Khairi berkata, keropok mengandungi racun tikus itu digantungkan oleh penduduk pada dawai besi sekeliling pagar kebun bertujuan untuk memerangkap monyet.

"Kedua-dua mangsa dipercayai telah membuka dan ma-

kan keropok tersebut. Kira-kira pukul 11.30 pagi, ibu mangsa berusia 25 tahun membawa anak-anaknya ke Klinik Kesihatan Malau sebelum ke Hospital Kulim untuk rawatan.

"Pemeriksaan pegawai perubatan Hospital Kulim mendapati kedua-dua mangsa dalam keadaan kritikal dan pada pukul 7.30 malam hari sama, kedua-dua mangsa dibawa ke Hospital Besar Pulau Pinang untuk rawatan lanjut," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Mohd. Azizul berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 kerana pengabaian dan Seksyen 284 Kanun Keseksan kerana kelakuan cuai berkenaan dengan benda beracun.



KEROPOK mengandungi racun tikus yang dimakan dua beradik dalam kejadian di Kampung Padang Ubi, Labu Besar di Kulim, Kedah.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NEWS / NATION

MONKEY TRAP

2 boys in hospital after eating poisoned snacks

KULIM: Two brothers, aged 2 and 3, are in critical condition after eating snacks containing rat poison near their home in Kampung Banggol Berangan, Labu Besar here on Sunday.

District police chief Superintendent Mohd Asyil Mohd Khairi said the boys' mother, 25, found her sons vomiting about 11am.

He said the mother took her sons to the Malau health clinic

before they were transferred to Kulim Hospital.

He said investigations found that the brothers likely took a packet of snacks that contained poison, which was hanging on an orchard's fence.

The snacks were intended as a monkey trap.

Asyil added that the orchard was believed to belong to residents near the victim's home.

Asyil said medical officers at the hospital found the brothers in critical condition.

He said they were later transferred to Penang General Hospital.

"The case is being investigated for child neglect.

"Police are looking for a suspect believed to be the victims' neighbour to assist in the investigation," he said.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : LIFE & TIMES

Sudden death — many Malaysians at risk

WHY do young and seemingly healthy, fit people suddenly collapse and die?

Recent cases involving high-performing athletes, including China's up-and-coming shuttler Zhang Zhijie during the Asian Junior Championships in Yogyakarta, Indonesia, have thrown the "sudden death" syndrome back into the spotlight.

The deaths of young people in the prime of their lives have huge implications on their families and the nation's productivity, and it's more common in Malaysia than one might assume.

In fact, sudden death transcends the sporting field and affects young Malaysians of all walks of life, even those who exercise regularly or are known for their commitment to fitness.

The majority of sudden death cases can be attributed to heart attack or stroke, and those affected are usually 50 years and below.

The National Health and Morbidity Survey 2019 highlights that cardiovascular diseases (such as stroke and

coronary heart disease) are the leading causes of death in the country.

In Malaysia, data from the Statistics Department on 2023's causes of death, reveals heart disease as a leading cause of sudden death among young adults in 2022. Heart disease generally manifests through symptoms like heart attack, chest pain, stroke, arrhythmia and heart failure.

The assumption that cardiovascular disease is an elderly person's ailment is no longer true in the Malaysian context.

It doesn't help that a huge number of Malaysian adults live with the three major risk factors associated with cardiovascular disease — diabetes, hypertension and high cholesterol, and many are unaware they are at risk until tragedy strikes.

The 2023 National Health and Morbidity Survey indicates that two in five adults did not screen for diabetes, hypertension and high cholesterol in the past 12 months, putting them at high risk of complications when their condition escalates.



AT HIGH RISK



1 in 3 adults in Malaysia have hypertension but 11.9 per cent do not even know they have the disease.



Those in the **18-39** age group form the largest number of those who are unaware they have hypertension.



7.6 million adults have high cholesterol but 1 in 2 do not know they have high cholesterol.



Slightly over half (54.4 per cent) of all adult Malaysians are overweight or obese, with the trend showing a steady increase from 2011-2023.



Obesity and overweight issues in Malaysia are due to the fact that 1 in 3 Malaysians are not physically active, and 1 in 2 lead sedentary lives.



1 in 4 Malaysians will suffer a stroke by 2040 if no preventive action is taken.



Stroke patients are getting younger and 1 in 4 cases now occur in people under **50 years**.

In Malaysia, heart disease was the leading cause of sudden death among young adults in 2022. PICTURE CREDIT: SHAYNE CHIT — FREEPIK



17 per cent of deaths in the country in 2020 were due to ischaemic heart disease.




More than two-thirds of premature deaths (death below the average life expectancy of 75 years) reported in 2019 were linked to non-communicable diseases which went undetected.



Malaysians are presenting symptoms of atherosclerotic cardiovascular disease **eight years earlier** than the global average, and experiencing heart attacks almost **10 years earlier** than people in Western countries.

Sources: 2016 Global Burden of Disease Stroke Statistics Worldwide Survey, 2019 National Health and Morbidity Survey, 2023 National Health and Morbidity Survey, Statistics Department.



Around 17 per cent of deaths in the country in 2020 were due to ischaemic heart disease. PICTURE CREDIT: FREEPIK

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 19
RUANGAN : LETTERS

VISITATION PROCEDURE

Make it easy to visit hospital patients

I WAS disappointed that I could not visit a friend warded at a premier hospital in the Klang Valley recently.

On that day, when I approached the first floor of the hospital, many people were waiting to take the lift to the wards upstairs.

According to the security guards deployed in the area, the lift was out of bounds to visitors who did not register at the reception.

When I told a guard that I wanted to visit a friend, he told me to get a pass from the staff at the registration counter.

At the counter, the staff told me that the two allocated passes to see my friend had been taken up.

She told me to inform the guard downstairs so that he could call up the guard in the ward via

walkie-talkie.

He would inform the visitors with the passes that there were others waiting on the first floor to see the patient. I waited for half an hour, but the visitors from the ward did not come down.

As a result, I decided to leave as there were also others waiting to see my friend, some of whom had come from far away. From my encounter at this hospital, I feel that the system needs to be looked into.

The practice of allowing only two people to go up at one time is not practical. There are many visitors waiting to get the passes.

If some visitors decide to hog all the passes, others cannot go up to see the patient. This should be looked at, maybe by setting a time limit for

each visitor.

It will be nice if, during visiting hours, either more passes are issued or it may be free and easy. Perhaps children below a certain age should not be allowed to visit patients.

Normally, when there are many visitors in a certain bed, some will not stay too long, and they will take their leave.

The security guards or hospital staff can monitor the situation so that everything is in order.

I am sure that patients would love to see their loved ones and friends to break the monotony during their stay at the hospital. It is a form of therapy to get well sooner.

THIAGARAJAN MATHIAPARANAM
Klang, Selangor

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATIONAL

Brothers critical after eating tainted crackers

ALOR SETAR: Two brothers aged two and three are in critical condition after they were believed to have eaten crackers (*keropok*) laced with rat poison in Kampung Padang Ubi in Kulim.

District police chief Supt Mohd Azizul Mohd Khairi said the mother of the two brothers became aware of the incident at 11am on Saturday when her children started vomiting and foaming at the mouth.

"The two are believed to have taken a packet of crackers containing rat poison that was hung on the garden fence by a gardener to poison monkeys.

"The mother took them to the Malau Health Clinic before going to the Kulim Hospital.

"Medical officers at the hospital found that the brothers were in critical condition.

"At 7.30pm they were taken to the Penang General Hospital for further treatment."

He said the gardener is believed to be the next door neighbour.

"The case is being investigated under Section 31(1) (a) of the Children's Act 2001 and Section 284 of the Penal Code," he added. — Bernama